

Lebuh raya SMART ditutup hingga 6 pagi ini

KUALA LUMPUR: Lebuh raya SMART akan ditutup kepada lalu lintas bermula jam 11 malam semalam hingga jam 6 pagi ini bagi kerja menyelenggara sistem terowong lebuh raya itu.

Syarikat Mengurus Air Banjir & Terowong Sdn Bhd dalam kenyataannya semalam berkata, pengguna boleh menghubungi talian bantuan SMART 1-300-88-7188 untuk sebarang pertanyaan mengenai penutupan itu.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Projek Lebuh-raya Usahasama Berhad (PLUS Berhad) akan menutup Lebuh-raya Persekutuan di Kilometer 19 (berhampiran Subang Parade) secara berkala pada 2, 9, 10 dan 17 April serta 6 Mei ini untuk kerja naik taraf rangkaian bekalan elektrik.

Laluan trafik akan ditutup selama 15 minit pada tarikh berkenaan antara jam 12.01 tengah malam hingga jam 4.30 pagi bagi membolehkan kerja pemotongan dan penyambungan pengalir dilaksanakan.

Berikutan itu, pengguna Lebuh-raya Persekutuan boleh menggunakan laluan alternatif ketika kerja naik taraf dijalankan.